

KEBERKESANAN MODEL PERKHIDMATAN AR-RAHNU DALAM MENANGANI KETIDAKTENTUAN EKONOMI: SATU ANALISIS LITERATUR

THE EFFECTIVENESS OF AR-RAHNU SERVICE MODEL IN ADDRESSING ECONOMIC UNCERTAINTY: A LITERATUR ANALYSIS

Anisah Nasib¹

Muhammad Solihin Yaakub²

Mohd Noor Daud³

¹ Pensyarah, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), (anisah_nasib@psas.edu.my)

² Pensyarah, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), (solihin.edu.my)

³ Pensyarah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), (mohd.noor@fsk.upsi.my)

Article history

Received date : 5-3-2025

Revised date : 6-3-2025

Accepted date : 29-3-2025

Published date : 25-4-2025

To cite this document:

Nasib, A., Yaakub, M. S., & Daud, M. N. (2025). Keberkesanan Model Perkhidmatan Ar-Rahnu dalam menangani ketidaktentuan ekonomi: Satu analisis literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (72), 74 - 85.

Abstrak: Model perkhidmatan ar-rahnu merupakan satu alternatif kewangan Islam yang telah lama diiktiraf sebagai mekanisme sokongan ekonomi yang inklusif dan patuh syariah. Dalam konteks ekonomi global, ketidaktentuan ekonomi termasuk inflasi, krisis kewangan dan ketidakseimbangan pasaran telah memberi impak besar terhadap kestabilan kewangan individu dan perniagaan kecil terutama golongan berpendapatan rendah. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan perkhidmatan ar-rahnu dalam menangani isu cabaran dan ekonomi semasa melalui pendekatan analisis literatur sistematik. Dengan menggunakan panduan PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses), kajian ini mengumpulkan, menyaring dan menganalisis artikel akademik dan laporan empirikel yang diterbitkan dalam tempoh lima tahun terakhir. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkhidmatan ar-rahnu bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menyediakan akses kepada modal bagi usahawan mikro tetapi juga membantu mengurangkan beban kewangan golongan B40 ketika menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Beberapa cadangan juga dikenal pasti termasuk penambahbaikan dasar dan peraturan serta inovasi dalam produk dan perkhidmatannya. Kajian ini turut membahaskan potensi penyelesaian strategik untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut seperti peningkatan penggunaan teknologi kewangan dan pengukuhan kerjasama antara institusi kewangan Islam. Penemuan ini memberikan implikasi penting bagi penggubal dasar, institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan ar-rahnu dalam memastikan keberkesanan model ini sebagai sokongan ekonomi yang mampan.

Kata Kunci: Ar-rahnu, Ketidaktentuan Ekonomi dan Usahawan Mikro

Abstract: *The ar-rahnu service model is an Islamic financial alternative that has long been recognized as an inclusive and shariah compliant economics support mechanism. In the context of the global economy, economic uncertainties including inflation, financial crises and market imbalances have significantly impacted the financial stability of individuals and small businesses, particularly those from low-income groups. This study aims to assess the effectiveness of ar-rahnu services in addressing contemporary economics challenges through a systematic literature review approach. Employing the PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses) framework, this study collects, screens and analyzes academic articles and empirical reports published within the last five years. The findings indicate that ar-rahnu services not only play a crucial role in providing access to capital for micro-entrepreneurs but also assist the B40 income group in mitigating financial burdens during periods of economic uncertainty. Several key recommendations are identified, including policy and regulatory enhancements as well as product and service innovations. This study further explores potential strategic solutions to these challenges, such as the increased adoption of financial technology and the strengthening of collaboration between Islamic financial institutions. The findings provide critical implications for policymakers, financial institutions and ar-rahnu service providers in ensuring the effectiveness of this model as a sustainable economic support mechanism.*

Keywords: *Ar-Rahnu, Economic Uncertainty, Micro-Entrepreneurs*

Pengenalan

Ar-rahnu merupakan salah satu instrumen kewangan Islam yang berteraskan konsep gadaian dan telah membuktikan keberkesannya sebagai sumber pembiayaan mikro yang patuh syariah dan berorientasikan sosial (Yusrizah Helwany, 2020). Ia bukan sahaja menawarkan akses mudah kepada modal melalui sistem cagaran emas tetapi juga menyediakan alternatif kepada sistem pinjaman konvensional yang terdapat unsur *gharar*, *riba* dan *maisir* (Razinda Tasnim et al., 2021). Menurut Siti Amirah & Ruzian (2022), skim ini diperkenalkan sebagai salah satu konsep pembiayaan mikro yang memberikan modal tunai kepada golongan yang memerlukan tunai segera misalnya golongan berpendapatan rendah dan para peniaga yang ingin mendapatkan modal atau menambah modal perniagaan mereka.

Sifat keupayaan dan fleksibiliti perkhidmatan ar-rahnu yang membantu memenuhi keperluan kewangan segera menjadikannya alat yang signifikan dalam menghadapi cabaran ekonomi, khususnya bagi golongan B40 dan usahawan kecil (Nik Nur Izzati dan Mohamed Azmy, 2020). Dalam konteks ekonomi, keperluan terhadap mekanisme kewangan alternatif yang mampu menyokong daya tahan masyarakat semakin meningkat dan diperlukan. Ketidaktentuan ekonomi global yang dicetuskan oleh faktor-faktor seperti inflasi yang meningkat dan ketegangan geopolitik telah memberi impak besar terhadap kestabilan kewangan individu dan perniagaan terutamanya dalam kalangan usahawan mikro serta golongan berpendapatan rendah (Hirnis et al. 2021).

Justeru, skim ar-rahnu di Malaysia bukan sahaja memainkan peranan penting sebagai landskap kewangan Islam tetapi juga menyokong agenda pembangunan ekonomi negara melalui pemberdayaan usahawan mikro (Bank Negara Malaysia, 2022). Ia juga turut disifatkan sebagai alat penyelesaian kepada isu kemiskinan melalui pinjaman berskala kecil yang diberikan kepada peminjam. Pihak kerajaan juga amat fokus dan komited dalam usaha membantu kumpulan sasaran melalui skim ini yang ditawarkan di beberapa institusi koperasi dan

kewangan seperti Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Ar-Rahnu Bank Kerjasama Rakyat (Bank Rakyat), Ar-Rahnu Agro Bank, Ar-Rahnu Pos Malaysia Berhad dan lain-lain lagi (Nik Hadiyan et al., 2020).

Walau bagaimanapun, dalam era ketidakpastian ekonomi yang kompleks pada hari ini, timbul persoalan mengenai sejauh mana keberkesanan model perkhidmatan ini dalam membantu Masyarakat menghadapi cabaran kewangan yang tidak menentu. Lantaran itu, kajian ini adalah untuk menganalisis keberkesanan model perkhidmatan ar-rahnu dalam menangani ketidakpastian ekonomi berdasarkan literatur terkini serta mengenal pasti cabaran dan peluang yang wujud untuk memperkukuh model ini di Malaysia.

Analisis Literatur Terkini

Kajian tentang model perkhidmatan ar-rahnu ini memberi fokus kepada keberkesanan pelaksanaannya dalam keadaan ketidakpastian ekonomi di Malaysia menggunakan analisis literatur kajian-kajian lepas. Sorotan kajian ini bertujuan mentafsir dan menganalisa kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik perbincangan ini. Menerusi sorotan literatur yang dibuat, analisis ini dibahagikan kepada beberapa tema iaitu seperti berikut:

Pelaksanaan Perkhidmatan Ar-Rahnu

Pelaksanaan model perkhidmatan ar-rahnu di Malaysia telah menjadi kajian penting untuk memahami bagaimana prinsip-prinsip fiqh yang diaplikasikan dalam sistem kewangan mikro moden pada hari ini (Fatimah Salwa, 2021). Menurut Nusaibah & Azwa (2021), model ini bukan sahaja menyediakan instrumen kewangan patuh syariah tetapi juga menjadi simbol keadilan dan keberkesanan Islam dalam mengatasi cabaran sosio-ekonomi. Namun, kajian Rosaidi & Norziah (2021) pula menegaskan bahawa keberkesanan pelaksanaannya masih bergantung kepada sejauh mana prinsip fiqh diintegrasikan dalam sistemnya. Pelaksanaannya juga disesuaikan dengan konteks operasi dan keperluan masyarakat di Malaysia.

Ar-rahnu adalah antara pilihan pembiayaan kewangan jangka pendek terbaik yang menjadi pilihan masyarakat di Malaysia. Ia merupakan satu akad bidang muamalat yang dibenarkan dalam Islam (Noha Sama & Mohamad Aniq, 2024). Kajian Salimah, 2021 menyatakan bahawa skim ini telah diperkenalkan di negara ini sejak tahun 1992 lagi dalam melaksanakan pembangunan sosial berterusan menerusi konsep tolong-menolong sesama manusia. Kenyataan ini disokong melalui web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan menyatakan bahawa MAIDAM telah menubuhkan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) Pada 23 Januari 1992 dan menjadi pajak gadai Islam pertama ditubuhkan di Malaysia (MAIDAM, 2024).

Pada Mac 1992 pula, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan iaitu Pemodalan Kelantan Berhad menubuhkan Kedai Ar-Rahnu dengan modal awal RM2 juta. Seterusnya, pada 23 Oktober 1995, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) pula menawarkan produk ar-rahnu dan diikuti oleh Bank Islam yang menawarkannya bermula tahun 1997 di bawah pembiayaan dan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Manakala koperasi yang menjalankan sistem ar-rahnu pada awal pelaksanaannya di negara ini adalah Koperasi Pengguna Pahang Berhad yang mula beroperasi pada 1 Jun 1996 (Siti Hazirah & Nor Fatimah, 2021).

Institusi pajak gadai Islam di Malaysia tertakluk kepada salah satu peruntukan undang-undang sama ada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) atau Akta Perkhidmatan Kewangan

Islam 2013. Aktiviti pajak gadai Islam di negara ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk peruntukan undang-undang dan diperjelaskan dalam jadual di bawah (Siti Hazirah, 2022):

Jadual 1: Jenis Peruntukan Undang-Undang Ar-Rahnu di Malaysia

Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81)	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (MPS, BNM)
▪ Muassasah Gadaian Islam Terengganu. ▪ Koperasi dan Kerajaan negeri: a) Kerajaan Perlis. b) Koperasi Pengguna Pahang Berhad. c) Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad. d) Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah. e) Badan-Badan Berkanun Terengganu.	▪ Institusi-Institusi Kewangan Islam di Malaysia seperti bank-bank.

Ar-rahnu berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *rahn* yang membawa maksud ‘untuk memantapkan’ atau ‘untuk memegang dan mengikat’ (Abd al-Karim Zaydan, 1987). Menurut Al-Zuhayli (2003), penggunaan perkataan *rahn* ini merujuk kepada sesuatu objek yang digadaikan dalam memastikan pembayaran balik sesuatu hutang. Kontrak ar-rahnu diterima pakai sebagai salah satu kontrak yang sah menurut syarak menerusi dalil-dalil daripada al-Quran, Sunnah dan *Ijma’ Ulama’* (Abu Ubaid, 1987).

Terdapat lima rukun wajib yang perlu ada dalam menjalankan operasi ar-rahnu untuk memastikan kesahan kontrak ar-rahnu mengikut syar’ie. Rukun-rukun tersebut adalah seperti berikut (Abu Aqil, 2008):

- a) Penggadai atau orang yang menggadai iaitu orang yang berhutang.
- b) Penerima gadaian atau orang yang memegang barang gadaian iaitu orang yang memberi pinjam.
- c) Barang yang digadaikan atau gadaian (*marhun*) iaitu barang yang berharga dimiliki oleh penggadai dan juga merupakan barang yang digadaikan kepada penerima gadaian. Ia mestilah barang yang berharga untuk digadai.
- d) Tanggungan gadaian atau jumlah yang dihutangkan (*marhun bin*).
- e) Perjanjian (*sighah*) dan penerimaan (*qabul*).

Pelaksanaan ar-rahnu di Malaysia terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa sebelum penguatkuasaan produk alternatif bermula tahun 1992 dan selepas penguatkuasaan produk alternatif baharu yang berkuatkuasa pada 1 Mei 2021. Pada asalnya, produk ar-rahnu bukanlah suatu kontrak pembiayaan tetapi ia adalah satu kontrak jaminan (*tawsiqat*) iaitu bermatlamatkan jaminan hutang atas sebab hutang yang dibuat (Aznan & Nor Razimah, 2021). Secara asanya, pelaksanaan skim ar-rahnu sebelum ini melibatkan gabungan empat prinsip syariah iaitu *qardhul hasan*, *rahn*, *ujrah* dan *wadi’ah yad damanah* (Fatimah Salwa & Mohammad Azahari, 2021; Ibn Qudamah, t.t.).

Jadual 2: Prinsip Syariah dalam Pelaksanaan Ar-Rahnu

Prinsip	Huraian
<i>Qardhul hasan</i>	Institusi kewangan memberikan pinjaman secara <i>qardhul hasan</i> untuk pelanggan dengan menggadaikan barang berharga mereka sebagai jaminan hutang yang dibuat. Ia dilakukan tanpa sebarang elemen yang diharamkan oleh syarak dan pelanggan mestilah membayar semula hutang yang dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan dan dipersetujui di antara kedua pihak.
<i>Wadi'ah yad damanah</i>	Secara umumnya, kontrak <i>wadi'ah yad damanah</i> terpakai apabila seseorang meletakkan barangnya untuk dijaga oleh pihak yang dipercayai. Kontrak ini bersifat 'amanah' dan jika barang tersebut rosak ataupun hilang bukan atas sebab kecuai pihak yang menjaga, maka dia tidak bertanggungjawab menggantikan barang tersebut. Namun jika sebaliknya terjadi, barang gadaian rosak atau hilang atas sebab kecuai pemegang gadai, maka dia perlu menggantikan barang tersebut.
<i>Rahn</i>	Kontrak ini merupakan lanjutan daripada kontrak <i>wadi'ah yad damanah</i> . Apabila berlakunya pinjaman <i>qardhul hasan</i> , maka barangan yang diserahkan untuk dijaga tersebut dijadikan bahan jaminan (<i>al-marhun</i>). Sekiranya pinjaman tersebut gagal dibayar, maka barang tersebut akan dicairkan bagi membayar hutang yang dibuat dan yang masih berbaki.
<i>Ujrah</i>	Kontrak ini berlaku apabila barang yang dijadikan gadaian disimpan oleh pemberi hutang, ia akan mengenakan yuran atau caj berpatutan atas perkhidmatan penjagaan barang tersebut. Oleh itu, <i>ujrah</i> dikenakan oleh institusi kewangan tersebut berdasarkan perkhidmatan keselamatan dan perlindungan terhadap barang gadaian.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan skim ar-rahnu sedia ada yang melibatkan empat prinsip ini telah menimbulkan beberapa isu syariah khususnya dalam aspek caj upah yang dikenakan untuk barang cagaran (Aida Rasyiqah & Zamzuri, 2021). Kenyataan ini disokong oleh Siti Hazirah & Nor Fatimah (2021) dengan menyatakan bahawa struktur produk ar-rahnu melibatkan kebergantungan kontrak *rahn*, *wadi'ah* dan *ujrah* dengan kontrak *qard* menimbulkan isu *qard jarra naf'an* iaitu pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam serta *bai' wa salaf* iaitu gabungan kontrak jual beli dan pinjaman adalah tidak dibenarkan syarak.

Penyedia perkhidmatan ar-rahnu mengenakan caj upah simpan tersebut memperlihatkan ia sebagai satu jalan untuk mendapatkan keuntungan melalui pinjaman yang dibuat oleh pihak penggada. Justeru, mengambil keuntungan melalui akad hutang merupakan perbuatan riba dan diharamkan dalam Islam. Rentetan itu, Majlis Penasihat Syariah (MPS), Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengadakan mesyuarat pada 25 Jun 2019 dan memutuskan bahawa struktur produk ar-rahnu di Malaysia perlu diperkemas. Rentetan itu, berlaku perubahan struktur kontrak skim ini untuk memastikan produk ar-rahnu selari dengan konsep syariah serta menambahbaik struktur sedia ada (Suharne, 2020).

Oleh itu, menurut Mohd Naufal et al. (2023) semua penyedia perkhidmatan ar-rahnu di bawah seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) seperti Bank Kerjasama Rakyat, Agro Bank, Bank Islam

Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Berhad telah melakukan penstrukturan semula produk tersebut dengan menggunakan konsep tawarruq bagi menggantikan konsep *qard* (Nor Fadilah et al., 2021). Walaupun perubahan ini hanya terpakai untuk institusi kewangan Islam (IKI), namun isu syariah yang dibahaskan dan dibangkitkan ini adalah jelas. Justeru, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang bertanggungjawab mengawal selia sektor koperasi telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif ar-rahnu kepada semua koperasi yang menyediakan perkhidmatan ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2021 (Fatimah Salwa & Mohamad Azahari, 2021).

Keberkesanan Ar-Rahnu sebagai Alat Mikro Kewangan

Skim ar-rahnu telah menjadi instrumen kewangan Islam yang memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan mikro untuk golongan berpendapatan rendah dan usahawan kecil. Ia menawarkan kemudahan pinjaman patuh syariah sebagai alternatif kepada sistem pajak gadai konvensional. Oleh itu, skim ini menyokong inklusi kewangan dalam kalangan masyarakat yang kurang atau tiada akses kepada perkhidmatan perbankan tradisional (Siti Hazirah, 2022). Kenyataan ini disokong oleh Salimah et al. (2024) dengan menjelaskan bahawa ar-rahnu menyediakan akses pembiayaan mikro kredit yang mudah dan cepat tanpa memerlukan pelbagai dokumen dan birokrasi dalam urusan kontraknya.

Selain itu, kajian Wan Naimah et al. (2021) pula menyatakan skim ar-rahnu seperti yang diperkenalkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) melalui produk-produk baharunya berpotensi menjadi alternatif mikro kredit yang efektif seperti produk 'bisnes' dan 'biznita'. Produk ini direka untuk memenuhi keperluan kewangan usahawan mikro dengan menawarkan kadar upah simpan yang kompetitif serta proses permohonan yang mudah. Justeru, ia menjadi produk yang menyediakan sumber modal perniagaan untuk para usahawan memulakan perniagaan atau pun menambah sumber modal perniagaan mereka (Hallieyana et al., 2021).

Skim ar-rahnu telah diiktiraf sebagai instrumen yang berkesan dalam menyediakan modal bagi usahawan kecil. Melalui pelaksanaan sistem ini, individu dapat mencairkan aset emas yang mereka miliki bagi mendapatkan wang tunai segera tanpa memerlukan penjualan aset tersebut. Hal ini membuktikan bahawa ar-rahnu bukan sahaja berfungsi sebagai alat pembiayaan kecemasan bagi golongan yang memerlukan, malahan juga dijadikan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi mikro di Malaysia (Azila & Mehmet, 2021). Kajian Nusaibah et al., (2022) pula menegaskan bahawa ar-rahnu berfungsi sebagai alternatif berkesan bagi membantu perusahaan mikro menghadapi krisis dengan menyediakan sumber pembiayaan yang cepat dan patuh syariah.

Kajian Salimah (2021) pula menegaskan bahawa institusi ar-rahnu yang menawarkan produk pajak gadai Islam juga menekankan kepentingan pemantauan risiko serta penambahbaikan berterusan dalam operasi ar-rahnu untuk memastikan keberkesanan dan kelestariannya sebagai alat pembiayaan mikro. Justeru, kebolehpercayaan masyarakat terhadap produk ini akan bertambah kukuh, sekaligus membantu mengurangkan kebergantungan usahawan kepada pajak gadai konvensional (Salimah, 2021; Hallieyana et al., 2021). Hal ini kerana, meskipun sistem ar-rahnu telah diperkenalkan sejak tahun 1992 lagi di negara ini, namun masih terdapat umat Islam yang berurusan dengan institusi pajak gadai konvensional kerana mereka lebih selesa dengan perkhidmatan pajak gadai tersebut serta kurang mengetahui akan operasi ar-rahnu (Nur Hidayatul et al., 2020).

Tuntasnya, sistem ar-rahnu di Malaysia telah membuktikan keberkesannya sebagai alat mikroekonomi yang menyediakan akses pembiayaan Islamik kepada masyarakat Islam untuk golongan memerlukan wang tunai segera. Walau bagaimanapun, penambahbaikan terhadap aspek risiko, kesedaran masyarakat dan pematuhan undang-undang untuk keberkesanan dan kelestarian berterusan instrumen ar-rahnu dalam menyokong pembangunan ekonomi mikro di negara ini.

Sumbangan Ar-Rahnu kepada Pembangunan Sosio-Ekonomi

Ar-rahnu merupakan sistem pajak gadai Islam yang telah menunjukkan sumbangan signifikan terhadap pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia, khususnya dalam membantu meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat (Amirah Hakima et al, 2021). Kenyataan ini disokong oleh kajian Noha dan Mohamad Aniq (2024) dengan menyatakan bahawa akses pembiayaan yang ditawarkan dan disediakan melalui skim ini adalah pembiayaan patuh syariah yang berperanan memperkukuhkan inklusi kewangan serta menyediakan modal perniagaan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Dalam kajian Nusaibah dan Azwa (2024) pula menyatakan bahawa ar-rahnu semakin popular dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME). Institusi-institusi kewangan semakin banyak menawarkan perkhidmatan ar-rahnu bagi membantu individu memenuhi aspirasi dan keperluan mereka. Kajian Nurlia et al. (2024) pula menekankan bahawa keperluan untuk mengintegrasikan komuniti MSME untuk meningkatkan reputasi ar-rahnu serta memperluaskan kehadiran mereka di seluruh Malaysia. Sistem ar-rahnu atau pajak gadai Islam ini mampu menyediakan akses segera kepada dana yang diinginkan dengan mudah dan segera (Mohd Yahya et al., 2022; Nusaibah dan Azwa, 2024).

Salimah et al., (2022) dan Emy Norlyana (2023) dalam kajian mereka menyatakan bahawa program mikro kredit ar-rahnu memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan sosio-ekonomi ummah. Program ini bukan sahaja membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan cara menyediakan akses kepada pembiayaan yang tidak membebankan mereka, malahan ia juga menyokong pertumbuhan ekonomi di peringkat mikro (Hallieyana, 2021; Muhammad Zulhafizi et al., 2020).

Walaupun bagaimanapun, setiap institusi yang menawarkan perkhidmatan ini perlu memberi penekanan kepada aspek pembangunan masyarakat agar tidak hanya memfokuskan kepada keuntungan sahaja bagi memastikan sumbangan ar-rahnu ini berterusan dalam membangun sosio-ekonomi negara (Salimah, 2024; Azila dan Mehmet, 2021). Nusaibah dan Azwa (2021) pula menegaskan bahawa pendekatan yang seimbang di antara keuntungan dan tanggungjawab sosial akan memastikan ar-rahnu terus relevan serta berkesan dalam menyokong pembangunan sosio-ekonomi ummah.

Oleh yang demikian, melalui penyediaan akses pembiayaan yang patuh syariah dalam skim ar-rahnu, telah terbukti bahawa ia adalah instrumen kewangan yang signifikan dalam membangun sosio-ekonomi. Skim ini bukan sahaja menjadi pembiayaan pilihan masyarakat kerana patuh syariah, namun ia juga menyokong pertumbuhan perniagaan kecil dan sederhana dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Implikasi Dasar dan Peraturan untuk Pengukuhan Ar-Rahnu

Skim ar-rahnu merupakan instrumen kewangan yang semakin berkembang pesat dan diterima oleh masyarakat umum yang menawarkan pajak gadai Islam. Namun, menurut Noha dan

Mohammad Aniq (2024), pengukuhan dasar dan peraturan yang komprehensif adalah penting untuk memastikan kestabilan, kelestarian dan keberkesanan operasinya. Dalam memperkukuhkan sistem ar-rahnu, implikasi dasar dan peraturan memainkan peranan kritikal untuk memastikan ia beroperasi dengan lebih efisien dan mematuhi prinsip-prinsip syariah (Yusrizah Helwany, 2020).

Menurut Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), koperasi yang menjalankan aktiviti ar-rahnu dikehendaki mematuhi konsep ar-rahnu yang baharu selaras dengan GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam berkuatkuasa pada 1 Mei 2021. Arahan ini adalah untuk memastikan operasi ar-rahnu di setiap koperasi yang menawarkannya mematuhi prinsip syariah serta memenuhi keperluan masyarakat setempat. Kegagalan mematuhi arahan pihak SKM ini akan menjejaskan integriti dan keberkesanan perkhidmatan ar-rahnu yang ditawarkan oleh pihak koperasi (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akta Koperasi 1993: Arahan Penguatkuasaan Pelaksanaan Produk Alternatif Baharu Ar-Rahnu bagi Koperasi yang Menjalankan Aktiviti Pajak Gadai Islam).

Meskipun perkembangan ini menunjukkan usaha ke arah pengukuhan peraturan ar-rahnu, namun masih terdapat cabaran dalam pelaksanaannya. Menyoroti kajian Rosaidi dan Norziah (2021), menyatakan bahawa setiap institusi ar-rahnu diatur di bawah peraturan yang berbeza kerana bergantung kepada jenis institusi tersebut. Perbezaan yang berlaku boleh mencetuskan konflik dalam tadbir urus ar-rahnu di Malaysia. Misalnya, institusi-institusi yang melaksanakan ar-rahnu mungkin akan menghadapi cabaran dalam memastikan pematuhan kepada peraturan yang berbeza tersebut dan boleh menjejaskan konsistensi operasi ar-rahnu di seluruh negara.

Dalam meningkatkan reputasi ar-rahnu di Malaysia, pihak institusi perlu menekankan usaha untuk mengintegrasikan komuniti perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta memperluaskan penggunaannya ke seluruh negara (Salimah dan Hainnur, 2021). Nusaibah dan Azwa (2021) pula menegaskan bahawa pendekatan ini memerlukan penyesuaian dasar dan juga peraturan yang akan menyokong penglibatan MSME dalam sistem ar-rahnu serta memastikan mereka mendapat manfaat daripada perkhidmatan ar-rahnu ini.

Kesimpulannya, pengukuhan ar-rahnu memerlukan dasar dan peraturan yang seragam dan komprehensif dengan tidak hanya memastikan pematuhan kepada prinsip syariah tetapi juga menyokong perkembangan dan keberkesanan operasi ar-rahnu di negara ini. Pendekatan yang holistik dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar serta peraturan perlu dititik beratkan untuk memastikan ar-rahnu terus berfungsi sebagai instrumen kewangan yang berkesan dan dipercayai dalam masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif pendekatan analisis kandungan terhadap kajian terdahulu yang relevan dalam tempoh lima tahun terkini iaitu dari tahun 2020 hingga 2024. Ia menggunakan pendekatan Kajian Literatur Sistematis (*Systematic Literatur Review*, SLR) untuk mensintesis dan menilai dapatan kajian terdahulu. Kaedah analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti trend dan corak dalam literatur tempoh tersebut untuk memberikan gambaran yang komprehensif tentang pelaksanaan dan keberkesanan ar-rahnu dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi.

Sumber data diperolehi daripada data sekunder melalui pencarian artikel dalam pangkalan data akademik yang diiktiraf dalam bidang muamalat dan kewangan Islam seperti pangkalan data

Scopus, Google Scholar, Web of Science dan ScienceDirect. Carian yang dilakukan terhadap kepada jurnal yang berindeks bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan sumber yang diambil dan digunakan. Artikel yang diperoleh pula disaring berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi. Proses pemilihan artikel adalah menggunakan pendekatan PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses*) seperti berikut:

Setelah artikel yang relevan dikenal pasti dan dikumpulkan, proses sintesis data dilakukan dengan menggunakan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006). Pendekatan analisis ini membolehkan pengelompokan data bagi tema utama berdasarkan dapatan kajian terdahulu. Langkah-langkah analisis tematik yang dilaksanakan adalah termasuk pengkodan awal, pengelompokan tema utama dan perbandingan dapatan. Strategi triangulasi sumber digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian dengan membandingkan dapatan daripada pelbagai kajian terdahulu. Penggunaan PRISMA *checklist* juga memastikan setiap langkah literatur dilakukan secara sistematik, telus dan bebas bias.

Cadangan

Menerusi kajian-kajian terkini mengenai ar-rahnu, terdapat beberapa cadangan dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi memperkukuhkan peranannya dalam pembangunan sosio-ekonomi dan meningkatkan keberkesanan operasinya. Antara Cadangan tersebut ialah:

a) Inovasi dalam produk dan perkhidmatan

Dalam kajian Fatimah Salwa dan Mohamad Azahari (2021) mencadangkan keperluan institusi ar-rahnu memperkenalkan inovasi dalam produk dan perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan pelanggan yang semakin meluas dan kompleks. Hal ini termasuklah menawarkan produk yang lebih fleksibel dan menyesuaikan perkhidmatan dengan perkembangan teknologi terkini seperti meningkatkan penggunaan teknologi kewangan.

b) Penambahbaikan dasar dan peraturan

Kajian Nusaibah dan Azwa (2024) menekankan kepada keperluan untuk mengintegrasikan komuniti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) bagi mempertingkatkan reputasi ar-rahnu dan lebih menyebarkan penggunaannya di seluruh Malaysia. Bagi memastikan pemanfaatan perkhidmatan ini dengan berkesan, maka penyesuaian dasar dan peraturan yang menyokong penglibatan MSME dalam sistem ar-rahnu perlu diperkukuhkan.

c) Kerjasama dengan institusi kewangan lain

Aznan dan Nor Razimah (2021) mencadangkan bahawa peningkatan dan keberkesanan ar-rahnu boleh diperkukuh melalui kerjasama dengan institusi kewangan lain termasuk kerjasama dengan bank Islam dan institusi mikro-kredit lain untuk menawarkan produk kewangan yang lebih komprehensif dan memenuhi kepelbagaian keperluan kewangan.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan ar-rahnu sebagai instrumen kewangan Islam yang penting dalam menyediakan alternatif pembiayaan patuh syariah kepada masyarakat Islam di Malaysia. Perkembangan perkhidmatan ini juga semakin bertambah baik dan meningkat mengikut keperluan semasa pengguna serta meningkatkan aksesibiliti terhadap ar-rahnu seperti penubuhan kaunter bergerak oleh ar-rahnu YaPEIM (www.arrahnuyapeim.net). Justeru, perkembangan pesat perkhidmatan ini telah menarik minat pelbagai institusi kewangan dan bukan kewangan untuk menawarkan perkhidmatan ini.

Namun begitu, masih terdapat cabaran-cabaran yang perlu ditangani dari semasa ke semasa seperti keperluan pelaksanaan inovasi dalam produk dan perkhidmatan ar-rahnu serta penambahbaikan pengawalseliaan dan tadbir urus, khususnya dalam sektor koperasi yang melaksanakan skim ini. Oleh itu, pendekatan holistik berterusan yang melibatkan masyarakat merupakan agenda penting dalam memastikan ar-rahnu terus relevan dan berkesan dalam menyokong pembangunan sosio-ekonomi negara.

Kajian berterusan berkaitan ar-rahnu juga perlu diteruskan supaya lebih banyak penyelidikan dilakukan dalam menganalisis kewangan sosial Islam menerusi ar-rahnu agar dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dihadapi oleh masyarakat yang menggunakan instrumen ini. Pengkaji makalah ini juga berpendapat bahawa terdapat banyak lagi cabang penyelidikan berkaitan ar-rahnu yang boleh dilaksanakan seperti kajian pengaruh dan keperluan digitalisasi dalam ar-rahnu, kajian perbandingan model ar-rahnu antara institusi kewangan dan bukan kewangan yang menawarkan produk ini serta penilaian terhadap keberkesanan dasar dan perturan ar-rahnu dan lain-lain lagi.

Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan, (1987). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Abu Aqil, T. I. M. (2008). *Ahkam al-Rahn fi Al-Shariah Al-Islamiyyah Bayna Al-Nazariyyah wa Al-Tatbiq*. Palestin: Jami'ah Khalil.
- Abu Ubaid, M. (1987). *Al-Amwal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (2003). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu (Edisi 9, Vol. 5)*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Amirah Hakima, H., Siti Nur Azzyati, S., Nazhatul Ain, H. & Siti Aisyah, I. (2021). Impak Pandemik Covid-19 ke Atas Pembiayaan Ar-Rahnu: Kajian di Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) Cawangan Kampung Attap. *International Research Conference on Syariah Compliant Industries*, 479-486.
- Azila, A. R. & Mehmet, A. (2022). Financial Inclusion and Economic Well-Being Evidence from Islamic Pawnbroking (*Ar-Rahn*) in Malaysia. *International Business and Finance*, 59, 101557.
- Aznan, H. & Nor Razinah, M. Z. (2020). Ar-Rahnu: Isu dan Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 47-60.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Emy Norlyana, T. H. (2023). *Perspektif Peniaga Kecil Wanita Terhadap Program Mikro Kredit Al-Rahnu Maidam Di Bandaraya Kuala Terengganu*. Tesis Ijazah Doktor falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Fatimah Salwa, A. H., & Mohamad Azahar, A. (2021). Pelaksanaan Inovasi Ar-Rahnu dalam Sektor Koperasi di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(42), 56 – 67.
- Hallieyana, S. & Hamid, A. L (2020). Faktor Penentu Penggunaan Kemudahan Skim Ar-Rahnu dalam Kalangan Usahawan Wanita. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (Irjsmi)*, 2(4), 35-42.
- Hirmissa, M. T., Nushuhaida, A. R. & Fadilla, R. (2021). The Contributions of Small and Medium Enterprises (SMES) on Malaysian Economic Growth: A Sectoral Analysis. In *Proceedings of the 7th International Conference on Kansei Engineering and Emotion Research*, 704–711.
- Ibn Qudamah, A. (t.t.). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Laman Web Rasmi Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), (3 Disember 2024). www.arrassnuyapeim.net/pengenalan.

- MAIDAM, (2024). *Sejarah Ar-Rahnu MAIDAM*. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. www.maidam.gov.my.
- Mohd Yahya, M. H., Nur Syahirah, M. S., Azila, A. R., Fidlizan, M. & Ahmad Zikrullah, M. S. (2022). Customers' Satisfaction Level of The Ar-Rahnu YaPEIM Service Quality in The Muallim District, Perak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 2885-2893.
- Mohd Naufal, M. T., Ahmad Hidayat, B. & Mohd Zaidi, D. (2023). Pengoperasian Kontrak Tawarruq dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 8(1), 51-68.
- Muhammad Zulhafizi, M.Y., Zurinah, T., Jalaluddin, A. M. & Ali. S. (2020). Cabaran Usahawan Muda dalam perniagaan Industri Keci dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 355-366.
- Nik Hadiyan, N. A., Mohd Zaidi, M. Z., Salina, K. & Nurhafiza, A. K. M., (2020). Unleashing the Ar-Rahnu as A Micro-Financing Instrument for Micro-Entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 183–196.
- Nik Nur Izzati, N. M. A. & Mohamed Asmy, M. T. T. (2020). Literature Survey on Islamic Microfinance. *Global Review of Islamic Economics and Business*, 8(1), 23–33.
- Noha, S. & Mohamad Aniq, A. A. (2024). Pengaplikasian *Ar-Rahnu* dalam Sistem Pembiayaan Islam: Ke Arah Muamalat Kontemporari di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 14(1), 52-66.
- Nor Fadilah, B., Zurina, S., & Mustafa, M., H. (2021). Legitimizing Ar-Rahnu Through Tawarruq: What Practitioners Have to Say. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2), 67-81.
- Nusaibah, H., & Azwa, A. (2021). *Peranan Ar-Rahnu sebagai Sumber Dana Alternatif kepada Usahawan Mikro dalam Menjamin Kelangsungan Perniagaan*. Universiti Malaysia Kelantan, FKP *Posgraduate Research Colloquium*, 63-73.
- Nusaibah, H., & Azwa, A. (2024). The Relevance of Ar-Rahnu for MSME (Micro, Small and Medium-Sized Enterprises) Community in Assuring Financial Well-Being. In *Artificial Intelligence (AI) and Customer Social Responsibility (CSR)*, 797-813.
- Nusaibah, H., Azwa, A. & Adibah, A. O. (2022). The Role of Ar-Rahnu as an Alternative in Reviving Micro-Enterprises Through Pandemic Crisis. *International Conference on Business and Technology*, 413-426.
- Razinda Tasnim, A. B., Nur Syamilah, M. N., Muhammad Hafiz, H., & Rabiatal Adawiyah, S. (2021). Ways or Waste: Implementation of Ar-Rahnu Shop Acceptance Model (ARSAM) Determining the Factors of Islamic Pawn. *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)*, 292-303.
- Rosaidi, M. H., & Norziah, O., (2021). Pajak Gadaai Islam (Ar-Rahnu) di Malaysia Isu dan Cabaran Pelaksanaannya di Malaysia. *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSIAL 2021)- Online Conference*, 523-533.
- Salimah, Y. (2021). Manfaat Ar-Rahnu kepada Pembangunan Usahawan Kecil. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(1), 1-11.
- Salimah, Y., Che Khadijah, H., Sakinatul Raadiyah, A., Surita Hartini, M. H. & Yusma Fariza, Y., (2024). Gender-based Acceptance of Ar-Rahnu Among Muslim Micro-Entrepreneurs. *Global Journal Al-Thaqafah*, 130-145.
- Salimah, Y., & Hainnur, A. R. (2021). Penerimaan Usahawan Kecil Muslim di Kelantan Terhadap Ar-Rahnu: Analisis dari Perspektif Faktor Promosi. *Journal of Business Innovation*, 6(1), 160.
- Salimah, Y., Sakinatul Raadiyah, A., Surita Hartini, M. H., Che Khadijah, H. & Farahdina, F. (2022). Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Penerimaan Ar-Rahnu dalam Kalangan

- Usahawan Kecil Muslim di Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(43), 115-129.
- Siti Amirah, Y. & Ruzian, M. (2022). Perkembangan dan Cabaran Terhadap Pengawalseliaan Pembiayaan Institusi Pembiayaan Mikro di Malaysia. *Malaysian Journal of Law * Society*, 30, 27-38.
- Siti Hazirah, C. H. (2022). *Analisis Produk Ar-Rahn di Institusi Kewangan Islam di Malaysia Menurut Perspektif Fiqh*. Tesis Master, Universiti Malaya (UM).
- Siti Hazirah, C. H. & Nor Fahimah, M. R. (2021). Isu Syariah dalam Produk Ar-Rahnu di Perbankan Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 55-78.
- Suharne, Z. (2020). *YaPEIM Perkenal At-Tawarruq*; *Sinar Harian Online*. www.sinarharian.com.my.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), (1 Mei 2021). *Akta Koperasi 1993: Arahan Penguatkuasaan Pelaksanaan Produk Alternatif Baharu Ar-Rahnu bagi Koperasi yang Menjalankan Aktiviti Pajak Gadai Islam*. www.skm.gov.my.
- Yusrizah Helwany, M. T., (2020). *Factors Affecting Awareness and Retention of Ar Rahnu Customers: A Case of Ar-Rahnu YaPEIM in Kedah*. Tesis Sarjana: Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Wan Naimah, W. D., Murni, Y., & Zakaria, B. (2021). Prospek Produk Baharu Ar- Rahnu YaPEIM Sebagai Alternatif Mikro Kredit. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(39), 86-94.